

D363

R B128 AAB
PARLIMEN - KOMUNIS

KUALA LUMPUR, 7 JULAI (BERNAMA) -- PEMIMPIN-PEMIMPIN KOMUNIS YANG BERTAUBAT TIDAK MUNGKIN DITERIMA BALIK DENGAN MUDAH KE NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA MEREKA TERLIBAT DALAM GERAKAN YANG MENGAKIBATKAN PEMBUNUHAN RAMAI RAKYAT NEGARA INI.

+MEREKA JUGA TELAH MEROSAKKAN HARTA BENDA, MENAKUTKAN RAKYAT DAN MEMBUNUH RAMAI ANGGOTA KESELAMATAN DAN KITA TIDAK BOLEH DENGAN MUDAH MENERIMA MEREKA DENGAN ALASAN MEREKA TELAH BERTAUBAT,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK MOHAMAD NOH RAJAB (BN-TAMPIN).

MENURUT PERDANA MENTERI PEMIMPIN KOMUNIS ITU PERLU DITAHAN (WALAUPUN BALIK) UNTUK MENJALANI PROSES PEMULIHAN SUPAYA TIDAK LAGI MENDOKONG FAHAMAN KOMUNIS.

KATANYA MEREKA JUGA PERLU DITENTUKAN SAMA ADA TERLIBAT DENGAN KES-KES TERTENTU ATAU SEBARANG KEGIATAN KEGANASAN.

SEKIRANYA MEREKA DIDAPATI TERBABIT DALAM SEBARANG KEGANASAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG PULA AKAN DIAMBIL KE ATAS MEREKA SELEPAS PEMULIHAN ITU.

+DAN APABILA MENJALANI HUKUMAN DAN BETUL-BETUL BERTAUBAT KEMUDIANNYA BARULAH MEREKA MUNGKIN DIBEBASKAN,+ TEGASNYA. -- LAGI 1731MST 07 07 88

D364

R B129 AAB
PARLIMEN - KOMUNIS 2 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN TAMBAHAN ENCIK HU SEPANG (DAP-RASAH) PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI LEBIH KURANG 2,000 PENYOKONG 'KOMUNIS' DIBEBASKAN.

BAGAIMANAPUN TERDAPAT KIRA-KIRA 300 ANGGOTA LAGI YANG MASIH DITAHAN KERANA MASIH MERUPAKAN PENYOKONG KUAT FAHAMAN KOMUNIS DAN YANG TIDAK MAHU BERTAUBAT BERTA SERTA YANG MENOLAK AMALAN DEMOKRASI.

BELIAU BERKATA BIASANYA ANGGOTA KOMUNIS INI DIKENALI MELALUI CARA MEREKA BERGERAK DAN CARA MEREKA MEMPENGARUHI ORANG LAIN DENGAN FAHAMAN KOMUNIS.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGGELASKAN ORANG YANG MENENTANG KERAJAAN SEBAGAI KOMUNIS.

+KALAU SEMUA ORANG YANG MENENTANG KERAJAAN DIANGGAP KOMUNIS, SUDAH TENTU KITA AKAN MENYEDIAKAN JEL YANG BANYAK.

+DAN KALAU KITA MENGANGGAP PARTI-PARTI POLITIK YANG MENKRITIK KERAJAAN JUGA SEBAGAI KOMUNIS SUDAH TENTU ANGGOTA DAP SENDIRI TIDAK AKAN BERADA DI SINI HARI INI,+ KATANYA. -- LAGI 1733MST 07 07 88

R B131 AAB
PARLIMEN - KOMUNIS 3 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN TAMBAHAN ENCIK ZUBIR EMBONG (BN-KUALA TERENGGANU) PULA PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENYEDARI CARA-CARA KOMUNIS MENYERAPKAN FAHAMAN MEREKA MELALUI PERTUBUHAN FRON KOMUNIS (CFO) SERTA MELALUI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG KONONNYA MENEGAKKAN KEADILAN, HAK ASASI, HAK PEKERJA, ALAM SEKITAR ATAU KEGIATAN SOSIAL.

BIASANYA MEREKA YANG MUDAH DIPENGARUHI OLEH FAHAMAN KOMUNIS IALAH GOLONGAN YANG KURANG BERPENGALAMAN.

EKORAN KEADAAN ITULAH, KATA PERDANA MENTERI PADA AKHIR TAHUN LEPAS, KERAJAAN BERTINDAK MENAHAN BEBERAPA ORANG YANG MENGANGGOTAI CFO YANG MENDAPAT ILHAM DARI LUAR NEGERI.

MENURUT BELIAU KERAJAAN SENTIASA BERWASPADA DAN SENTIASA MEMERHATI GERAK GERI MEREKA YANG DIANGGAP ADA KAITAN DENGAN BADAN-BADAN BERKENAAN.

KEPADA SOALAN ASAL ENCIK FUNG KET WING (DAP-SANDAKAN), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETAKAT INI TERDAPAT KIRA-KIRA 200 ORANG PENGGANAS KOMUNIS YANG MERUPAKAN BARISAN HADAPAN DALAM MENJALANKAN RANCANGAN KOMUNIS YANG DIDUKUNGI OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAN PARTI KOMUNIS KALIMANTAN UTARA (PKKU). -- LAGI
1743MST 07 07 88

PARLIMEN - KOMUNIS 4 KUALA LUMPUR

+WALAUPUN PKM DAN PKKU KINI MEMPUNYAI KEKUATAN KECIL TETAPI MEREKA MASIH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DAN KITA HENDAKLAH SENTIASA BERWASPADA TERHADAP RANCANGAN DAN TINDAK TANDUK MEREKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH DAN SEDANG MELAKSANAKAN BERBAGAI RANCANGAN SECARA MENYELURUH DAN BERKESAN DALAM USAHA MEMBANTERAS PENGARUH ANASIR KOMUNIS ITU.

PASUKAN KESELAMATAN SENTIASA MENGADAKAN GERAKAN UNTUK MENGHAPUS ANCAMAN-ANCAMAN BERKENAAN, TAMBAHNYA.

BAGAIMANAPUN, ATAS SEBAB-SEBAB KESELAMATAN, LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG DIAMBIL TIDAK BOLEH DIDEDAHKAN KEPADA UMUM SECARA TERPERINCI, TEGASNYA. -- BERNAMA
1750MST 07 07 88